



ALBUM: Gambar bersama perasmi selepas gimik perasmian Bilik Mesyuarat Ahmat Adam.

PPIB UMS jenamakan semula bilik mesyuarat, hargai jasa pengasas

UB 06.03.2024 P.06

KOTA KINABALU: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjenamakan semula Bilik Mesyuarat Utama pusat tersebut sebagai Bilik Mesyuarat Ahmat Adam, sempena nama pengasas PPIB, Profesor Emeritus Datuk Dr. Ahmat Adam.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Profesor Dr. Shahril Yusof berkata, program itu antara lain bertujuan sebagai inisiatif PPIB mengiktiraf dan menghargai jasa serta sumbangan

pengasas serta pemimpin PPIB.

Katanya, pemilihan penjenamaan bilik mesyuarat itu dipilih dengan sangat teliti sebagai mencerminkan nilai-nilai kebersamaan dan keharmonian yang diharapkan akan diterapkan dalam setiap perbincangan pada masa akan datang.

“Bilik Mesyuarat Ahmat Adam akan menjadi tempat di mana idea-idea cemerlang bersatu, keputusan dibuat dengan bijak dan kolaboratif berkembang. Diharapkan agar ruang ini akan menjadi tempat di mana segala

perbincangan berlangsung dengan penuh hormat, kejujuran, dan kefahaman.

“Di samping itu, penjenamaan bilik ini juga untuk memperingati perjalanan PPIB sebagai sebuah organisasi yang menggambarkan usaha bersama dalam membina hubungan yang kukuh dan mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni.

“Semoga PPIB berkemajuan untuk terus memperkukuhkan hubungan ini demi mencapai matlamat dan visi bersama,” katanya.

Dalam majlis itu juga, Dekan PPIB, Prof. Madya

Dr. Lai Yew Meng turut membacakan ucapan khas daripada Profesor Emeritus Datuk Dr. Ahmat Adam yang pencen dari UMS pada tahun 2006 bagi menzahirkan rasa penghormatan dan penghargaan yang besar kepada UMS dan PPIB.

Hadir sama Timbalan Dekan (Pascasiswazah dan Hubungan Antarabangsa), Profesor Madya Dr. Mohd. Azri Ibrahim; Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi dan Khidmat Komuniti) PPIB, Dr. Kavitha A/P Ganesan serta Ketua Pentadbiran PPIB, Alna Tugon.